KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	TNB			

409 kawasan masih terjejas bekalan elektrik



Antara kawasan yang terputus bekalan elektrik akibat banjir di Hulu Langat. (Foto Azuddin Saad/BH)

Kuala Lumpur: Bekalan elektrik di 409 kawasan di Pahang, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur yang terjejas akibat banjir pulih, sehingga tengah hari semalam.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memaklumkan, bekalan elektrik pulih di 272 kawasan di Pahang, 22 kawasan di Negeri Sembilan dan 11 kawasan di Kuala Lumpur.

"Jika banjir sudah surut, tetapi belum menerima bekalan elektrik, besar kemungkinan pencawang yang menyalurkan bekalan elektrik ke premis anda masih belum benar-benar selamat untuk diaktifkan," katanya melalui laman sosial TNB, semalam.

Selain itu, sebanyak 225 kawasan di tiga negeri berkenaan belum mendapat bekalan elektrik berikutan penutupan bekalan oleh TNB untuk keselamatan pengguna.

TNB berkata, jumlah kawasan yang terbabit adalah 216 kawasan di Pahang, enam di Negeri Sembilan dan tiga di Kuala Lumpur.

Orang ramai yang ingin mengetahui status bekalan elektrik di kawasan masing-masing boleh merujuk ke laman Facebook TNB Careline.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd pula memaklumkan, bekalan di Petaling, Hulu Langat dan Kuala Lumpur yang terjejas berikutan henti tugas empat loji rawatan air susulan peningkatan paras air serta penutupan bekalan elektrik pada 19 Disember lalu, sudah mencapai tahap 95 peratus semalam.

"Bantuan melalui lori tangki masih digerakkan ke kawasan terjejas dengan keutamaan kepada premis kritikal sepanjang tempoh gangguan bekalan," katanya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, pula berkata 153 daripada 342 menara telekomunikasi yang terjejas akibat banjir besar di Selangor sudah beroperasi semula, kelmarin.

Katanya, 183 lagi menara telekomunikasi dalam proses baik-pulih, dengan usaha sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat telekomunikasi.

BH 24.12.2021_6